

B597:

NEGARA-MAHATHIR

1981

KUALA LUMPUR, 11 DIS (BERNAMA) -- LANGKAH-LANGKAH MEMBERSIHKAN NAMA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG DICEMAR OLEH AKHBAR BRITISH DAN PERTUBUHAN PENYIARAN AUSTRALIA BARU-BARU INI ADALAH MEMADAI.

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK PENGIRAN OTHMAN RAUF, YANG MENJAWAB BAGI PIHAK MENTERI LUAR NEGERI MEMBERITAHU DEWAN NEGARA HARI INI LAPORAN AKHBAR DI BRITAIN MENGENAI LANGKAH MALAYSIA MENGAMBIL ALIH SYARIKAT GUTHRIE ADALAH TIDAK BENAR DAN MENCEMARMKAN NAMA BAIK PERDANA MENTERI DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENJELASKAN PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI DALAM ISU ITU MELALUI WAWANCARA KHASNYA DENGAN WARTAWAN-WARTAWAN AKHBAR FINANCIAL TIMES, LONDON TIMES DAN GUARDIAN.

BELIAU MEMBERITAHU SEN. K. KUMARAN BAHAWA MENTERI LUAR NEGERI TAN SRI GHAZALI SHAFIE PULA KETIKA MELAWAT BRITAIN PADA 15 OKT. LALU TELAH MENJELASKAN MENGENAI HUBUNGAN EKONOMI ANTARA MALAYSIA DENGAN BRITAIN.

DATUK PENGIRAN OTHMAN BERKATA SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI LONDON JUGA MENGAMBIL PERHATIAN YANG MENDALAM DALAM MENJELASKAN KEDUDUKAN MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN PERKARA ITU. -- BERSAMBUNG 1754/A1

B598:

NEGARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERWAKILAN NEGARA INI DARI MASA KE SEMASA MENYIARKAN MAKLUMAT YANG KEMASKINI DAN TEPAT MENGENAI MALAYSIA MELALUI BERBAGAI SALURAN TERMASUK MEDIA MASSA.

MENGENAI PENJEJASAN NAMA BAIK PERDANA MENTERI OLEH ABC BERIKUTAN KEPUTUSAN BELIAU TIDAK MENGHADIRI SIDANG KOMANWEL DI MELBOURNE, DATUK PENGIRAN OTHMAN BERKATA SOAL ITU JUGA TELAH DISELESAIKAN APABILA SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI CANBERRA MEMBUAT BANTAHAN DAN PIHAK ABC MEMINTA MAAF KEMUDIANNYA.

PERDANA MENTERI DAN MENTERI LUAR AUSTRALIA TELAH JUGA MENYATAKAN RASA DUKACITA MEREKA TERHADAP KEJADIAN ITU.

TAN SRI GHAZALI YANG MEWAKILI DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SIDANG ITU JUGA TELAH MENJELASKAN SEBAB-SEBAB PERDANA MENTERI TIDAK DAPAT HADIR IAITU KERANA BANYAK URUSAN YANG LEBIH PENTING PERLU DISELESAIKAN DI TANAH AIR.

MENJAWAB SOALAN SEN. TAN SRI HAJI ABDUL RAZAK HUSSEIN, DATUK PENGIRAN OTHMAN BERKATA JIKA KEADAAN MEMERLUKAN, PERDANA MENTERI AKAN MEMANGGIL DUTA-DUTA NEGARA LAIN APABILA TIMBUL SESUATU ISU YANG MENIMBULKAN PERSOALAN YANG BERKAITAN DENGAN MALAYSIA. -- BERNAMA-1753/A1